

Pembinaan negara bangsa tanggungjawab semua pihak

■ KUALA LUMPUR 13 SEPT.

USAHA untuk merealisasikan pembinaan negara bangsa menjadi tanggungjawab semua warganegara Malaysia dan agenda itu akan sentiasa dilauangkan secara berterusan sampai bila-bila.

Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Professor Negara (MPN), Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose berkata, secara peribadi beliau menyifatkan pembentukan negara bangsa di negara ini masih tergantung dan sedang mencari haluan sebenar.

Kata beliau, semua pihak perlu mengisi setiap ruang dan menampung segala kelompong sedia ada supaya negara bangsa ini benar-benar wujud selaras dengan pembangunan serta kemajuan sebagai sebuah negara.

“Sepanjang 60 tahun lalu, negara kita mencapai kemerdekaan dan 54 tahun lalu pembentukan

Malaysia dilaksanakan. Dalam tempoh ini, kita berdepan dengan pelbagai cabaran dan kehidupan cukup kritikal.

“Keadaan menjadi lebih rumit apabila jurang pencapaian dalam pelbagai aspek semakin ketara antara pelbagai kaum, namun kerajaan berjaya mewujudkan pelbagai dasar pembangunan secara sistematis sehingga Malaysia berada pada tahap yang membanggakan hari ini,” katanya.

Beliau berucap demikian dalam Wacana Ilmuwan, Negaraku Malaysia: Di mana, Ke mana? sempena Sambutan Hari Malaysia 2017 anjuran MPN di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan Sultan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Seri Kembangan, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Abang Sallehuddin Abang Shokeran dan

Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak.

Seramai enam panel membahaskan hujah masing-masing dalam wacana tersebut iaitu Timbalan Pengurus MPN, Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin; Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosio Budaya MPN, Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong dan Setiausaha Kluster Perpaduan Nasional MPN, Prof. Dr. Sivamurugan Pandian.

Wacana yang dikendalikan oleh Sayed Munawar Sayed Mohd. Mustar turut melibatkan Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya Dr. Awang Asri Awang Ibrahim; Pensyarah Kanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Madeline Berma dan Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Sarjit Singh Darshan Singh sebagai panel.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datin Dr. Aini Ideris

berkata, pihaknya sentiasa mengalau-alukan program sedemikian bagi memupuk semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda, khususnya mahasiswa universiti awam tersebut.

Katanya, universiti merupakan institusi yang paling sesuai untuk membincangkan mengenai isu nasionalisme dan perpaduan kerana terdapat penghuninya terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan matang serta rasional.

“Dalam konteks pembangunkan warga berketrampilan dalam pembinaan negara bangsa, mahasiswa merupakan golongan yang perlu diberikan keutamaan kerana mereka yang bakal mencorak negara ini pada masa depan.

“Mereka bukan sahaja mestи memiliki pengetahuan tetapi kemahiran dan berkemampuan mengurus hubungan manusia dengan pelbagai kaum secara efektif dan efisien,” katanya.